



Headline	UniKL baru universiti terbaik Asia		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	12 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	1	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,900

## UniKL baru universiti terbaik Asia

Link: <http://c.moreover.com/click/here.pl?z9044534535&amp;z=1650248895>

- Universiti Kuala Lumpur (UniKL) akan melancarkan blueprint yang menggariskan beberapa perancangan tahun depan bagi merealisasikan impian menjadi sebuah universiti terbaik di Asia menjelang 2020. Pengerusinya, Datuk Dr. Adham Baba berkata, blueprint berkenaan menggariskan beberapa strategi dan misi bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kapasiti untuk bersaing di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Asia. Beliau berkata, terdapat tiga strategi yang menjadi agenda utama, antaranya mewujudkan sektor industri dalam universiti untuk memudahkan penuntut menimba ilmu dan merasai pengalaman berada di dalam industri sebenar. "Selain itu, kita juga akan membina sebuah lagi kampus UniKL di Subang yang bertaraf dunia dengan memberikan pengkhususan dalam industri penerbangan. "Pembinaan kampus berkenaan dilihat sebagai salah satu platform terbaik untuk membekalkan penuntut yang berkemahiran tinggi dalam arena membaiki kapal terbang, sekali gus mendapat pengiktirafan Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah (EASA)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutupan Sukan Staf UniKL 2013 di kampus UniKL Malaysian Institute of Industrial Technology (MITEC) di sini baru-baru ini. Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd Su'ud; Timbalan Presiden (Khidmat Pengurusan) UniKL, Datuk Mohamed Hisham Che Abdul Ghani dan Ketua Kampus UniKL MITEC, Prof. Datuk Dr. Mohd. Mansor Salleh. Hingga kini terdapat kira-kira 21,000 penuntut yang menuntut di 11 cawangan UniKL di Melaka, Johor, Perak, Kedah dan Selangor. Dalam pada itu, Adham memberitahu, sebagai langkah merealisasikan impian itu, pihaknya telah mengorak langkah dengan membina gudang masa depan atau 'warehouse futuristic' yang menggunakan model pembelajaran inspirasi untuk sistem atau peralatan pada masa depan. Beliau berkata, gudang tersebut telah dibina di UniKL MITEC di Pasir Gudang. "Gudang dalam universiti ini menggabungkan kepakaran tenaga pengajar pelbagai bidang akademik dan pihak industri yang berpengalaman luas supaya para penuntut dapat merasai pengalaman sebenar tentang teori yang dipelajari mereka di dalam kelas," katanya.